

26 SEP 1999

Mahathir-Sabah (Fokus Berita)

LAWATAN DR MAHATHIR BUATKAN RAKYAT SABAH LEBIH POSITIF

Oleh: Jackson Sawatan

LAHAD DATU, 26 Sept (Bernama) -- Langit di Lahat Datu pada 17 Sept agak mendung, hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan untuk melancarkan skim perladangan untuk rakyat termiskin di Bahagak, kira-kira 60km dari bandar ini.

Pada pukul 9.30 pagi, ramai daripada 4,000 orang yang hadir itu, datang dari tempat-tempat yang jauh seperti Semporna, kira-kira 170km jaraknya, agak risau dengan keadaan yang mendung itu.

"Saya berharap hari tidak akan hujan," terdengar seorang tua berkata kepada kawannya.

Mereka mempunyai sebab untuk gusar -- kerana Perdana Menteri baru sahaja berlepas dengan pesawat dari Labuan ke Tawau pagi itu, dan dari situ beliau akan menaiki helikopter untuk sampai ke kawasan ladang yang terpencil itu -- perjalanan yang banyak dipengaruhi oleh keadaan cuaca.

Apatah lagi, ia adalah lawatan pertama Dr Mahathir ke ladang tersebut suatu acara yang mereka tidak mahu ketinggalan.

Yang lain nampaknya tenang dan seorang daripada yang hadir berkata: "Perdana Menteri akan datang, helikopter yang dinaikinya itu berupaya untuk menangani cuaca buruk seumpama itu."

Orang ramai menarik nafas lega, apabila juruacara majlis mengumumkan Perdana Menteri sedang dalam perjalanan untuk datang ke tempat itu.

Tepat pada pukul 10 pagi helikopter yang membawa Dr Mahathir dan rombongannya termasuk Ketua Menteri Datuk Osu Sukam, mendarat kira-kira 100 meter dari granstan.

Semasa Perdana Menteri keluar dari pesawat, orang ramai berpusu-pusu untuk berjabat tangan dengan beliau.

Pada ketika-ketika tertentu, hadirin yang bersemangat itu terpaksa dikawal bagi membolehkan Perdana Menteri dan rombongannya sampai ke granstan.

Semasa berucap, Dr Mahathir meminta maaf kerana tidak dapat berjabat tangan dengan semua yang hadir pada hari itu.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang mengalu-alukan kedatangan saya dan saya meminta maaf kerana tidak berkesempatan untuk berjabat tangan dengan semua yang hadir," katanya.

Dr Mahathir bercakap mengenai hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020, yang mana katanya ia boleh dicapai jika kerajaan yang betul, yang mempunyai rekod yang baik dipilih semula.

Menegaskan rakyat patut percaya kepada diri sendiri beliau berkata rakyat Malaysia, contohnya pelaut Datuk Azhar Mansor, yang belayar mengelilingi dunia secara solo, telah membuktikan kepada dunia, rakyat Malaysia juga boleh berbuat apa yang dibuat oleh orang lain.

"Bajau dikenali kerana kemahirannya belayar dan saya berharap .. suatu hari nanti, terdapat orang Bajau dari Sabah yang berlayar mengelilingi dunia," katanya yang mendapat tepukan daripada hadirin yang kebanyakannya dari masyarakat Bajau, yang merupakan majoriti di Lahad Datu.

Hujan renyai-renyai turun buat seketika semasa Perdana Menteri memberikan ucapan, tetapi menjelang waktu Dr Mahathir meninggalkan majlis kira-kira sejam kemudiannya, langit cerah, memberikan kesempatan kepada rombongan untuk pulang ke Tawau, untuk jamuan makan tengah hari dengan pemimpin masyarakat di sana.

Beberapa jam berikutnya, Perdana Menteri telahpun berada di Kota Kinabalu untuk menemui pemimpin-pemimpin Umno negeri dan menghadiri satu

lagi acara pada malamnya.

Apa yang membuatkan lawatan Perdana Menteri ke Sabah berbeza kali ini, beliau tidak hanya menghadiri majlis politik atau melancarkan program pembangunan, tetapi beliau juga telah melepaskan dua acara sukan antarabangsa di Kundasang, Ranau kira-kira 80 km dari sini.

Acara sukan tersebut ialah kejohanan Larian Mendaki Gunung Dunia Ke-15 dan kejohanan Luncur Udara Jemputan Malaysia "Cabaran Kinabalu '99".

Ini adalah kali kedua Perdana Menteri berada Ranau pada tahun ini.

Pada bulan Mei, beliau berada di daerah tersebut untuk bertemu dengan masyarakat setempat dan beliau berjanji kepada penduduk di situ untuk memikirkan cara untuk membantu membangunkan kawasan di situ, yang terkenal dengan Gunung Kinabalu dan juga sebagai pengeluar hasil pertanian yang utama di negeri itu.

"Saya percaya ada cara yang lebih baik untuk membangunkan Ranau," katanya.

Mempunyai banyak idea, Dr Mahathir terlibat dengan penganjuran acara luncur udara itu, dan dengan itu meletakkan Ranau dan Gunung Kinabalu dalam senarai dunia bagi acara luncur udara --dan ini sudah tentu akan memberikan banyak manfaat kepada penduduk dan daerah itu.

Dr Mahathir juga menyuarakan hasrat Malaysia untuk menganjurkan kejohanan luncur udara pada tahun 2003, langkah yang akan menimbulkan lebih banyak minat terhadap Ranau.

Setelah melihat acara luncur udara yang mengagumkan itu dan minat orang ramai terhadapnya, penduduk Ranau yakin keadaan di tempat itu akan bertambah baik pada masa akan datang.

"Ini adalah baik, Ini adalah kali pertama acara seumpama itu diadakan di sini. Kami tidak sabar-sabar menunggu tahun 2003 .. menjelang itu lebih ramai pelancong dijangka datang ke sini," kata seorang penduduk dari Kampung Bundutuhan, dekat Kundasang.

Gunung Kinabalu telahpun menjadi destinasi popular bagi peminat kejohanan larian gunung dari seluruh dunia, untuk itu penghargaan perlu diberikan kepada kejohanan tahunan Mendaki Gunung Antarabangsa dan Trofi Larian Gunung Dunia yang diadakan baru-baru ini, yang dianjurkan di Malaysia buat kali pertamanya.

Selepas Kundasang, Dr Mahathir akan berlepas ke Tuaran untuk menyampaikan ucapan utama kepada 400 peserta konvensyen Pemuda Barisan Nasional, yang diadakan selama empat hari di sebuah pusat peranginan di situ.

Ia adalah sebuah majlis tertutup tetapi tepukan yang bergemuruh yang didengar dari luar dewan persidangan menunjukkan satu perhimpunan yang bermakna antara Pemuda Barisan dan Perdana Menteri sedang berlangsung.

Pada sidang berita kemudiannya, Dr Mahathir berkata beliau telah menjelaskan kepada persidangan tentang konsep BN dan bagaimana ia bermula, oleh itu mereka akan berjuang untuk BN dengan kesedaran sebenarnya.

Pemberita yang membuat liputan lawatan Perdana Menteri itu terpaksa bekerja keras berikutan jadual lawatan beliau yang ketat.

Bagaimapun pada akhir lawatan, apabila ditanya oleh pemberita sama ada beliau lebih suka jadual lawatan yang tidak begitu ketat, Dr Mahathir berkata jadual lawatan tidaklah begitu ketat dan beliau hanya menyampaikan tiga ucapan pada hari itu.

"Saya lebih suka duduk di rumah," katanya berjenaka. Bagaimapun Dua hari kemudiannya beliau melawat Perlis pula.

Dari Bagahak ke Tuaran dan dari sukan ke politik; apapun, lawatan Dr Mahathir ke Sabah telah menyalakan kesungguhan rakyat tempatan untuk mencapai kecemerlangan.

-- BERNAMA

JS RI

